



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### JADUAL PENUTUPAN SEMENTARA STESEN-STESEN MINYAK BAGI KERJA-KERJA PEMERIKSAAN DAN PENELITIAN KE ATAS ALAT SUKATAN (PAM-PAM MINYAK) BAGI BULAN APRIL 2024

Tarikh: 26 Mac 2024

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak. Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.
2. Dengan mengambilkira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9:00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran perlaksanaannya adalah sekitar dua (2) jam. Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga (3) kali setahun.
3. Bersama ini dikongsikan keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan April 2024 seperti berikut:

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	16 April 2024 (Selasa) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Kampong Sungai Teraban (KKST) Berhad	Belait
2	17 April 2024 (Rabu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Syarikat PHA Bakar bin Jambol	Tutong
3	20 April 2024 (Sabtu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak TAIB Beribi	Brunei Muara
4	22 April 2024 (Isnin) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Perkhidmatan Lumut	Belait
5	23 April 2024 (Selasa) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Pengalayan	Brunei Muara
6	24 April 2024 (Rabu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Syarikat Badan Tanmiah	
7	27 April 2024 (Sabtu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Syarikat Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad	Tutong
8	29 April 2024 (Isnin) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Syarikat Kerjasama Kampong Tanjong Nangka (Satenaga)	Brunei Muara

4. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau melalui talian 233 4092.



## PRESS RELEASE

### MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

#### TEMPORARY CLOSURE OF PETROL STATIONS FOR THE INSPECTION AND VERIFICATION OF FUEL DISPENSING PUMPS FOR THE MONTH OF APRIL 2024

Date: 26<sup>th</sup> March 2024

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under the Ministry of Finance and Economy will carry out the verification of accuracy readings on fuel dispensing pumps at various fuel stations in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151. Whereby, the stipulated guidelines under the Act require all weighing and measuring machines used for trading purposes to be checked for their accuracy and validity, and whether the machines have already been registered with the SDT Unit.
2. Considering the safety and well-being of the public as well as the workforce involved throughout the inspection and verification process, the relevant fuel stations, will be closed from 9:00 am until completion, with the whole process estimated to take two (2) hours. This routine inspection is conducted three (3) times a year.
3. The schedule of temporary closure of relevant fuel stations for April 2024 is as follows:

NO.	DATE & TIME OF INSPECTION	ADDRESS/PLACE OF INSPECTION	DISTRICT
1	16 <sup>th</sup> April 2024 (Tuesday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Koperasi Kampong Sungai Teraban (KKST) Berhad	Belait
2	17 <sup>th</sup> April 2024 (Wednesday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Syarikat PHA Bakar bin Jambol	Tutong
3	20 <sup>th</sup> April 2024 (Saturday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak TAIB Beribi	Brunei Muara
4	22 <sup>nd</sup> April 2024 (Monday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Perkhidmatan Lumut	Belait
5	23 <sup>rd</sup> April 2024 (Tuesday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Pengalayan	Brunei Muara
6	24 <sup>th</sup> April 2024 (Wednesday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Syarikat Badan Tanmiah	
7	27 <sup>th</sup> April 2024 (Saturday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Syarikat Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad	Tutong
8	29 <sup>th</sup> April 2024 (Monday) 9:00 am – 11:00 am	Stesen Minyak Syarikat Kerjasama Kampong Tanjong Nangka (Satenaga)	Brunei Muara

4. For any enquiries, the public may contact SDT Unit, IBE via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 233 4092.